

07/12/2001

Lebih separuh peruntukan pakej rangsangan fiskal diguna

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, lebih separuh atau sejumlah RM3.5 bilion daripada jumlah pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang diperuntukkan bagi 2001, sudah dibelanjakan setakat ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin jumlah itu akan meningkat menjelang akhir tahun ini apabila pembayaran bagi pelbagai projek yang dilaksanakan di bawah pakej terbabit dibuat.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan sedang berusaha memperbaiki jentera pelaksanaan projek bagi pakej itu untuk memastikan peruntukan Belanjawan 2001 dan peruntukan tambahan RM7.3 bilion di bawah pakej rangsangan itu digunakan.

"Jumlah ini (RM7.3 bilion) harus dan mesti dibelanjakan tahun ini tetapi ada masalah dari segi jentera pelaksanaan," katanya selepas membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan menegaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk memberikan pakej rangsangan tambahan atau yang baru lagi tahun ini.

Terdahulu dalam ucapan pembentangan itu, Dr Mahathir berkata, negara mampu mencatatkan pertumbuhan positif bagi keseluruhan tahun 2001 dengan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal RM4.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini sebagai tambahan kepada RM3 bilion yang diumumkan sebelum ini meskipun ekonomi negara mengalami pertumbuhan negatif 1.3 peratus pada suku tahun ketiga.

Bagaimanapun, katanya, prospek pertumbuhan ekonomi tahun depan, banyak bergantung kepada perkembangan luar yang masih sukar dan kian mencabar.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, bagi mencapai pertumbuhan ekonomi positif pada keseluruhan tahun 2001, apa yang diperlukan adalah 'perkembangan sedikit'.

"Tetapi harus diingat, pada suku keempat 2000, kita mencapai kadar pertumbuhan sangat tinggi. Adalah sukar untuk mencapai tahap seperti itu (sekali lagi)," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, meskipun pertumbuhan suku ketiga adalah negatif, negara masih berjaya mengelak kemelesetan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pada tempoh itu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih positif sebanyak 0.7 peratus, berbeza dengan beberapa negara di rantau ini yang sudah mengalami kemelesetan.

Ditanya dakwaan wakil rakyat pembangkang dari Kemaman, Abdul Rahman Yusof, pada sesi perbahasan di Dewan Rakyat semalam bahawa angka KDNK rasmi bagi suku ketiga yang diumumkan baru-baru ini adalah mengelirukan dan mendakwa negara sebenarnya mengalami kemelesetan, Dr Mahathir berkata:

"Mudah untuk bercakap, tetapi silalah buktikan bahawa kerajaan silap. Angka-angka ini diterima seluruh dunia dan Malaysia tidak menyembunyikan apa-apa. Apabila penguncupan dicatatkan dalam suku ketiga, kerajaan menjelaskan pertumbuhan negatif manakala bagi pertumbuhan 0.5 peratus (dicatatkan) dalam suku kedua, kerajaan tidak mendakwa ia adalah pertumbuhan 10 peratus," katanya.

(END)